



DUA penduduk di Taman Setia Hati, Seremban mengemas rumah selepas dilanda banjir lumpur dalam kejadian hujan dan ribut di Seremban, semalam.



ESPARAN Darmalingam menunjukkan khemah yang diterbangkan angin kencang di Taman Desa Anggerik, sementara kepalanya yang cedera diberi rawatan tujuh jahitan pada kejadian ribut yang melanda Seremban.

Banjir lumpur, ribut landa Seremban

Oleh TARMIZI ABDUL RAHIM

SEREMBAN 8 April - Suasana kelim kabut berlaku di beberapa buah taman perumahan di sekitar bandar ini apabila ribut beserta hujan lebat merosakkan hampir 100 buah rumah dalam kejadian pada pukul 3.30 petang ini.

Hujan lebat turut membawa banjir lumpur di banyak kawasan dan beberapa batang pokok tumbang, selain sejumlah papan tanda berterbangan dan berselerak di atas jalan raya.

Kejadian ribut luar biasa ini mencemaskan penduduk di Taman Desa Anggerik, Taman Dahlia, Taman Widuri Indah, Taman Satria dan beberapa lagi taman perumahan berhampiran bandar ini apabila bumbung rumah mereka diterbangkan angin hingga beberapa meter.

Beberapa buah rumah terbabit rosak teruk hingga hampir kesemua bahagian bumbung termasuk bumbung garaj lompong diterbangkan angin kencang.

Bagaimanapun dalam kejadian itu, hanya seorang penduduk dilaporkan cedera.

Para penduduk berkata, mereka turut mengalami kerugian apabila perabot dan barangan elektrik dibasahi hujan yang masuk daripada bumbung yang pecah.

Bagaimanapun jumlah kerugian masih belum dapat ditaksirkan kerana sehingga lewat malam ini, kerja-kerja penilaian kerosakan masih diteruskan oleh pihak berkuasa.

Pengensi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat negeri, Datuk Norhayati Omar yang melawat mangsa berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan membantu meringankan masalah yang dihadapi oleh para penduduk.

"Untuk memudahkan proses mengira kerugian dan jumlah pampasan yang bakal diberikan, saya minta mereka yang terlibat membuat laporan polis mengenai jumlah ke-

Beberapa buah rumah terbabit rosak teruk hingga hampir kesemua bahagian bumbung termasuk bumbung garaj lompong diterbangkan angin kencang.

"Pengerusi atau ketua taman diminta mengumpulkan laporan itu bagi diserahkan kepada pejabat daerah untuk tujuan taksiran kerugian oleh JKM," katanya.

Selain Norhayati, beberapa pegawai Pe-

jabat Daerah Seremban, Majlis Perbandaran Seremban dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Azman Hasan turut dilihat meninjau keadaan di tempat kejadian.

Dalam pada itu, di lokasi yang dilanda banjir lumpur di Taman Setia Hati, Taman Guru, Kampung Datuk Ismail dan Taman Sri Siantan, Ahli Dewan Undangan Paroi, Bibi Sharliza Mohd. Khalid berjanji akan berusaha menyelesaikan masalah banjir itu.

Beliau berkata, pihaknya sebelum ini telah membuat parit kecil berhampiran taman-taman berkecuaian bagi mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku apabila hujan

lebat.

"Setelah parit itu dibuat pada pertengahan tahun lalu, keadaan menjadi baik. Tetapi hari ini hujan yang terlalu lebat menyebabkan parit berkenaan gagal menampung limpahan lumpur.

"Punca utama banjir lumpur ini ialah kerana kecuaiian beberapa pemaju perumahan baru yang mengabaikan sistem perparitan hingga menyebabkan penduduk sekitar pula yang sengsara," katanya.

Mrs. Msia - 9/4/06